

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1576



9 772232 157005

BENGKEL MATEMATIK BERKALA 2/2014, JABATAN SAINS MATEMATIK

Oleh: Juliza Salleh

Pada setiap semester, Jabatan Sains Matematik akan mengadakan bengkel Matematik Berkala untuk kursus-kursus Matematik yang mempunyai peratusan kegagalan yang tinggi, iaitu melebihi 25%, terutamanya *Business Mathematics* (MAT112) dan *Calculus II* (MAT233).

Antara objektif bengkel ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar lemah yang terpilih supaya mereka dapat menjawab latih tubi yang diberikan dengan baik di samping dapat memulihkan semangat dan prestasi mereka secara berkala sepanjang semester sehingga peperiksaan akhir. Selain itu, objektif bengkel tersebut adalah untuk mengurangkan kadar peratusan kegagalan kursus-kursus Matematik. Pelajar-pelajar lemah yang dipilih adalah berdasarkan markah penilaian berterusan seperti kuiz, sebelum ujian pertama bermula.

Bagi semester Jun-Oktobre 2014, bengkel telah diadakan sebanyak tiga kali, iaitu seminggu sebelum setiap ujian bermula. Pada kali ini, sebanyak 241 pelajar telah turut serta. Antara kursus-kursus Matematik lain yang terlibat adalah seperti *Mathematics with Business Applications* (MAT111), *Calculus I* (MAT183), *Calculus II for Engineers* (MAT235) dan *Pre-Calculus* (MAT113). Selain itu, dua kursus Statistik juga turut ditawarkan, iaitu *Introduction to Statistics* (QMT181/STA104) dan juga *Statistics for Technology* (QMT245/STA108).

Keseluruhannya, bengkel ini telah berlangsung dengan jayanya hasil daripada komitmen dan kerjasama para pelajar serta pensyarah-pensyarah yang sanggup meluangkan lebih masa bagi membantu meningkatkan prestasi para pelajar.



SESI PENERANGAN ASKAR WATANIAH

Oleh: Abdul Faez Izdiyar bin Abd. Jaffar

Pada 18 September 2014, satu sesi penerangan askar wataniah telah dijalankan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Samarahan 2. Sesi ini merupakan satu inisiatif Lt. Kol. (B) Saiful Anwar bin Md. Ali yang juga dibantu oleh Pegawai Psikologi, En. Faizul bin Adenan dan Penolong Pegawai Kesatria, Kapt. (K) Abdul Faez Izdiyar bin Abd. Jaffar. Sesi penerangan tersebut telah dihadiri oleh dua orang pegawai tentera, Mejar Arazmi bin Rasid, Penolong Pegawai Memerintah Kem Askar Wataniah Rejimen 511 serta Mejar Zamri bin A. Rahman, Ketua Bahagian Tadbir Kem Askar Wataniah Rejimen 511. Sesi penerangan tersebut turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran lebih kurang 30 orang warga UiTM Sarawak sendiri yang terdiri daripada para staf dan pelajar. Sesi penerangan tersebut telah disampaikan oleh Mejar Zamri bin A. Rahman selaku penceramah jemputan. Di antara objektif yang telah dicapai adalah memperkenalkan keanggotaan Askar Wataniah kepada warga UiTM Sarawak, menarik minat warga universiti untuk menyertai keanggotaan Askar Wataniah dan mengubah persepsi orang awam mengenai keanggotaan Askar Wataniah yang selama ini difikirkan sukar untuk disertai.

Majlis Perpisahan Persaraan dan Perpindahan Kampus

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah Amir Abdullah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) UiTM Sarawak telah menganjurkan satu majlis makan malam perpisahan sempena persaraan Encik Senian Malie dan juga perpindahan kampus bagi Puan Jasmine Andrew pada 28 Oktober 2014.

Majlis yang diadakan di Lobby Club Lounge, Hotel Riverside Majestic Kuching dihadiri oleh kira-kira 30 orang rakan-rakan dari FPP bagi mengucapkan salam perpisahan kepada mereka berdua. Turut hadir ialah Puan Norzaihan Hashim, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan, Puan Dorothy Kueh, Koordinator Kursus Kewangan dan Cik Irdawaty Jaya Koordinator Kursus Pengurusan.

Cenderamata turut diserahkan kepada Encik Senian Malie dan Puan Jasmine Andrew oleh Yang Berusaha, Profesor Dr. Wee Chong Hui pada malam tersebut.



Penyerahan cenderahati kepada Encik Senian oleh Profesor Dr. Wee Chong Hui



Penyerahan cenderahati kepada Puan Jasmine oleh Profesor Dr. Wee Chong Hui



Para hadirin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**